

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DATUK MOHAMAD BIN ALAMIN [KIMANIS]

TARIKH : 11 OGOS 2020 (SELASA)

SOALAN

DATUK MOHAMAD BIN ALAMIN [KIMANIS] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan yang sedang dan akan diambil bagi meningkatkan tahap keselamatan di Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM).

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Pihak ESSCOM telah melaksanakan beberapa tindakan dalam meningkatkan tahap keselamatan di kawasan Pantai Timur Sabah bagi mengekang jenayah rentas sempadan. Langkah-langkah yang telah dan sedang diambil antaranya adalah seperti berikut;

- a) memperkukuhkan dan menambah aset- aset laut seperti kapal dan bot-bot daripada agensi Keselamatan PDRM, TLDM dan APMM di kawasan perairan Esszone dalam meningkatkan kawalan di kawasan-kawasan 'hotspot'. ESSCOM juga meneruskan aturgerak aset-aset bagi mengekang kemasukan elemen 'lawless' ini daripada masuk melakukan jenayah dalam perairan negara;
- b) pihak Keselamatan ESSCOM turut menjalinkan kerjasama rapat dengan agensi Keselamatan Filipina dan Indonesia dalam menangani elemen *kidnap for ransom* dan jenayah rentas sempadan yang lain seperti pendatang tanpa izin, penyeludupan dan lain-lain;
- c) cadangan untuk mewujudkan dan melaksanakan 'Sea Check Point' (SCP) mengikut 'Designated Route' di daerah Kudat, Sandakan, Lahad Datu dan Tawau bagi memeriksa kapal atau *vessel* yang masuk ke perairan negara khususnya Sabah untuk aktiviti-aktiviti *barter trade*, *transshipment* dan *normal*. Ini bagi membendung aktiviti penyeludupan barang kawalan dan jenayah yang lain; dan
- d) menambahbaik serta mewujudkan 'Road Check Point' (RCP) di kawasan strategik dan laluan utama seperti RCP Sapi Nangoh dan RCP Kalabakan dalam membendung aktiviti penyeludupan pendatang tanpa izin, barang kawalan dan sebagainya.